



**PERCUMA** 24 - 26 April 2013, 13 - 15 Jamadilakhir 1434



MCA hanya datang  
beri gula-gula  
pilihan raya

**muka 3**



Mat Taib bantu  
PR pertahan  
Selangor

**muka 2**

Jadi 'khadam'  
resepi Siti Mariah  
dekati rakyat

**muka 7**



## CINTAI BUKU...

Exco Selangor, Dr Halimah Ali, bersama-sama anak-anak kecil membaca buku di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Cawangan Klang sempena sambutan Hari Buku Sedunia 2013. Dr Halimah memaklumkan PPAS Cawangan Klang akan ditutup buat sementara waktu untuk kerja-kerja menaik taraf bangunan bagi dilengkapi dengan kemudahan Wifi percuma, ruang untuk kanak-kanak dan bilik seminar

Untuk raih undi

# Najib 'kitar semula' isu air dan sampah

SHAH ALAM - Kerajaan Umno-BN adalah penyebab utama gangguan air terawat di Selangor tidak dapat diselesaikan kerana gagasan itu terus mempertahankan syarikat swasta yang selama ini tidak mengurus industri air dengan baik.

Dalam menyanggah kenyataan Pengerusi Umno-BN Datuk Seri Najib Razak yang melawat Selangor pada 22 April, pemimpin Pakatan Rakyat (PR) Selangor mendedahkan bagaimana sistem pungutan sampah baru telah menguntungkan rakyat.

Malah Najib dikatakan sekali lagi mengulangi 'momokan' krisis air dan pungut sampah bagi

meraih undi rakyat Selangor.

Umno-BN kata Najib akan menyelesaikan krisis air dan pungutan sampah sekiranya diberi mandat mentadbir Selangor.

Bekas Exco Selangor, Dr Xavier Jayakumar menjelaskan bahawa Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) berkali-kali gagal dalam perjanjiannya untuk mengagihkan air terawat dengan cekap di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Antara kegagalan Syabas adalah tidak menurunkan kadar air NRW (air yang hilang akibat paip bocor dan kena curi) daripada 33 peratus dan tidak menyelenggara aset seperti rumah pam dengan baik.

**Mengapa syarikat yang berkali-kali gagal dibenarkan untuk terus mengurus perkhidmatan yang sangat kritikal? Sebenarnya tiada krisis air di Selangor. Krisis itu diadakan supaya orang akan mengundi BN**

**DR XAVIER**  
Bekas Exco Selangor

Kegagalan mengurus yang berterusan di Syabas, kata Dr Xavier, adalah antara sebab utama mengapa Kerajaan Ne-

geri Selangor berusaha untuk mengambilalih syarikat tersebut daripada pemiliknya.

"Najib patut menggunakan 'golden share' Kerajaan Persekutuan di dalam Syabas untuk membenarkan Selangor ambilalih Syabas.

"Mengapa syarikat yang berkali-kali gagal dibenarkan untuk terus mengurus perkhidmatan yang sangat kritikal?"

"Sebenarnya tiada krisis air di Selangor. Krisis itu diadakan supaya orang akan mengundi BN," kata Dr Xavier, Adun PR Selangor yang dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan salah urus air oleh Syabas.

Manakala seorang lagi bekas

Exco Selangor, Ronnie Liu berkata, Kerajaan Selangor telah menjimatkan RM80 ke RM100 juta, tahun lalu apabila perkhidmatan pungutan sampah diambil alih daripada syarikat Alam Flora.

Penjimatan tersebut disalurkan balik pada rakyat Selangor dalam bentuk pengurangan cukai pintu sebanyak 25 peratus kepada penghuni rumah pangsapuri kos rendah.

"Bulan pertama memang kita ada masalah kerana sabotaj. Tetapi sekarang semua berjalan lancar dan setiap PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dapat menjimatkan duit melalui tender terbuka," kata Ronnie.

Oleh AFIX REDZUAN

# Ustaz Azhar Idrus: Jangan tukar kerajaan Selangor

PANDAN - Pendakwah bebas yang popular, Ustaz Azhar Idrus memuji Kerajaan Negeri Selangor sepanjang lima tahun menadbir, berjaya mengimarahkan masjid dan surau-surau negeri ini dengan majlis ilmu.

Jelasnya, program atau kuliah agama di negeri Selangor mencatatkan kehadiran tertinggi di sekitar Lembah Klang.

“Selangor merupakan negeri nombor satu kehadiran ceramah paling ramai. Nombor dua Kelantan. Jadi kalau kita tukar Kerajaan Negeri Selangor, tidak akan ada kuliah-kuliah seperti ini lagi di masjid.

“Adakah kita ingin tutup kuliah-kuliah?” soal beliau di hadapan 1,000 hadirin.

Beliau berkata demikian dalam program santai sempena kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) anjuran PAS Parlimen Titiwangsa, bertempat di pekarangan Restoran Mamak Bistro, Desa Pandan.

Hadir sama, calon Parlimen Titiwangsa, Ahmad Zamri Asa'ad Khuzaimi yang bertemu dan beramah mesra bersama pengundi serta penyokong Pa-



Calon Parlimen Titiwangsa, Ahmad Zamri Asa'ad Khuzaimi (dua kanan), turut hadir bersama anak-anak muda bagi memeriahkan program santai sempena kempen PRU-13

katan Rakyat.

Ustaz Azhar juga menasihatkan rakyat agar tidak takut mengundi bagi merubah pimpinan kerajaan kerana rezeki manusia ditentukan Allah SWT.

“Ada orang kata, kita makan gaji dengan kerajaan kena sokong kerajaan dalam pilihan raya.

“Ada orang kata kalau tak makan gaji, semua kemudahan kerajaan yang bagi. Jadi wajib kita balas budi.

“Kita jawab, kalau bodoh duduk diam kerana tidak ada di dalam undi nanti kerajaan bertanding.

“Kerajaan tidak bertanding,

Tolong cerdas sedikit. Kalau kita kena sokong kerajaan dalam pilihan raya, bagaimana kerana dalam kertas undi hanya ada nama parti yang bertanding,” katanya sambil disambut gelak tawa orang ramai yang hadir.

Tambahnya lagi, soal pembinaan infrastruktur rakyat me-

rupakan tanggungjawab semua kerajaan di dunia apabila memerintah.

“Sebagai contoh katanya, negara Rusia dan China yang dipimpin golongan yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan turut membina kemudahan kepada rakyat,” katanya.

## Umno sudah kurang upaya, yakin PR mampu galas tugas

SHAH ALAM - Umno bukan tiada jasa tetapi kini mereka sudah kurang upaya, ujar bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Oleh itu demi kelahiran semula Malaysia yang lebih baik beliau yang lebih dikenali dengan nama Mat Taib merasakan sudah tiba masanya beliau bersuara membantu Pakatan Rakyat (PR) membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru.

Berkhidmat selama 11 tahun sebagai Menteri Besar, Mat Taib menyatakan gabungan PAS, PKR dan DAP mampu memberi erti sebenar makna sebuah pembangunan yang sekian lama didahagakan rakyat di negara ini.

“Saya fikir ini satu usaha orang muda yang boleh meneruskan dan memberi satu penambahbaikan kepada usaha BN sebelum ini.

“Bukan Umno tidak ada jasa, tetapi kini mereka sudah kurang upaya, barangkali kerana sudah terlalu tua dan hilang konsentrasi untuk bawa kita ke tahap lebih tinggi.

“Oleh itu, kita perlu ada satu perubahan dan saya yakin tugas ini mampu dibawa PAS, PKR dan DAP,” ujar beliau di hadapan lebih seribu hadirin di Dataran Kemerdekaan di sini.

Beliau juga berpendapat tindakan PAS meletakkan calon-calonnya di bandar-bandar utama di negara ini sebagai perancangan bijak dalam mengukuhkan kedudukan Islam.

“PAS meletakkan tokohnya di Shah Alam, di Putrajaya, di Pulau dan juga di beberapa bandar lagi.

“Jika dilihat, Nabi Muhammad juga memilih bandar seperti Madinah dan Mekah untuk kembangkan syiar Islam,” katanya yang akan menyertai jentera kempen PR di seluruh Selangor.

Bekas Naib Presiden Umno itu menyerahkan borang keahlian PAS seumur hidup kepada Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di ibu pejabat PAS di Kuala Lumpur.

## Bantu PR pertahan Selangor

SHAH ALAM - Calon PKR DUN Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, tindakan Tan Sri Muhammad Mohd Taib menyertai PAS akan memberi motivasi kepada Pakatan Rakyat (PR) Selangor dalam menghadapi kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

“Kemasukan ke PR amat kita alu-alukan, lebih-lebih lagi beliau telah lama berkecimpung dalam Umno-BN.

“Kemasukan itu memberikan kita

gambaran ataupun motivasi berkerja lebih kuat lagi kerana orang mula percaya keupayaan PR memerintah negeri dan negara,” kata Abdul Khalid dalam satu sidang media di sini.

Bendahari PAS Selangor, Izham Hashim pula menambah, bekas Menteri Besar Selangor Umno-BN yang mesra dikenali sebagai Mat Taib, berjanji akan turut serta dalam kempen membantu PR Selangor mempertahankan pentadbiran yang sedia ada.

“Dia (Mat Taib) beriklan komitmen untuk jelajah seluruh Selangor setiap malam untuk terangkan kepada rakyat mengapa kita perlu kekalkan PR di Selangor serta ambil alih Putrajaya,” kata Izham.

Sebelum itu, dalam sidang media yang diadakan di Kompleks Perumahan Exco Selangor, calon DAP Parlimen Seputeh, Teresa Kok melancarkan album koleksi pemenang Pesta Lagu Jalanan yang berjudul Sifar Rasisme.

Menurut beliau, album yang mengandungi tujuh buah lagu itu merupakan karya artis muda yang mempromosikan kesedaran politik, cinta negara, anti rasuah dan anti perkauman.

“Lagu-lagu ini juga menggambarkan semangat generasi muda ini yang komited untuk memperjuangkan hak asasi manusia, keadilan, anti rasuah, demokrasi dan patriotisme,” ujar Teresa.



Orang ramai memenuhi pekarangan Dataran Kemerdekaan Shah Alam bagi mendengar penjelasan Mat Taib tentang kemasukan beliau ke dalam PAS

Oleh NORHAYATI UMOR

KLANG - Calon DAP Pandamaran, Tan Pok Shyong (*gambar*) berkata, BN mahupun MCA hanya datang bertemu rakyat semasa pilihan raya sahaja.

Perkara ini berbeza dengan Pakatan Rakyat (PR) yang sentiasa mengambil berat masalah rakyat.

"Ini bukan macam MCA, MCA masa pilihan raya datang, buat sikit-sikit, bagi 'gula-gula' kepada rakyat untuk beli hati pengundi.

"Pakatan sentiasa bekerja keras dan hasilnya kita sudah tunjukkan, kita tadbir jauh lebih baik dari pada



# MCA hanya datang beri gula-gula pilihan raya

mereka," katanya yang juga dikenali sebagai Eric Tan.

Tambahnya, apa yang dilakukan Kerajaan Negeri Selangor selama lima tahun lalu adalah strategi paling kuat untuk PR.

Beliau turut menolak dakwaan ba-

hawa beliau mudah digugat oleh calon MCA berikutan bukan merupakan calon tempatan.

"Saya sebenarnya walaupun dari KL (Kuala Lumpur), tetapi bapa saya aktif di Pandamaran, jadi tidak ada masalah untuk saya mendekati para penduduk di situ.

"Lagipun saya menjadi penasihat undang-undang bagi Cawangan DAP di Klang sejak

2009, jadi masa itu saya memberikan perkhidmatan kepada penduduk," katanya.

"Kalau yang orang nampak aktif di surat khabar, kononnya dia seorang memberi perkhidmatan, tidak semestinya menang.

"Saya juga ada walaupun bukan bermastautin di Pandamaran, tetapi saya mempunyai satu kumpulan yang kesemuanya penduduk Pandamaran dan

banyak memberi perkhidmatan sejak dulu lagi.

"Bantuan yang diberikan oleh kumpulan saya kepada penduduk jauh lebih baik daripada saingan saya, cuma mereka ini tidak mendapat publisiti," katanya.

Dalam pilihan raya kali ini, Eric akan ditentang calon BN, Datuk Azman Ching Eu Boon serta dua lagi calon bebas.

## Hasil Pelabuhan Klang RM30 bilion setahun, tetapi daif di bawah BN

SHAH ALAM - Meskipun Pelabuhan Klang menghasilkan pendapatan RM30 bilion setahun tetapi Kerajaan Persekutuan di bawah Umno-BN mengabaikan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat kawasan tersebut.

"Bagaimanapun Kerajaan Persekutuan tidak mengembalikan lima peratus dalam pembinaan prasarana infrastruktur kepada masyarakat tempatan di Pelabuhan Klang dan akibatnya prasarana tidak langsung menggambarkan Pelabuhan Klang merupakan antara pelabuhan terbesar di dunia," kata calon Adun Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Tindakan tersebut sanggup diambil Umno-BN hanya disebabkan sikap mengutamakan perkiraan politik dalam mengagihkan peruntukan dan pembangunan

kepada rakyat Selangor.

Sebaliknya Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat (PR) tidak pernah meletakkan sebarang syarat anutan politik dalam setiap program kebajikan dan pembangunan yang dilaksanakan.

Sebagai rekod Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan ke -13 terbesar di dunia.

Menurut Abdul Khalid lagi, Negeri Selangor sebagai penyumbang terbesar sebanyak 23 peratus kepada keluaran ekonomi negara juga menjadi mangsa gara-gara amalan memilih anutan politik dalam mengagihkan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan.

Menyentuh isu lain, Abdul Khalid berkata Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang mana-mana projek Kerajaan Persekutuan yang membawa kebaikan

kepada rakyat.

"Tanah-tanah di mana jika ada Kerajaan Persekutuan untuk melakukan projek pembangunan mendapat sokongan yang besar dari Kerajaan Negeri, contoh MRT, projek-projek menggali longkang dan lain-lain semuanya mendapat kelulusan yang tercepat dibandingkan dengan mana-mana negeri lain," kata beliau.

Beliau turut menambah projek pembinaan jalan raya dan jambatan merupakan kuasa di bawah Kerajaan Persekutuan dan bukanlah di bawah Kerajaan Negeri.

Peruntukan tersebut disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Jabatan Kerja Raya manakala Kerajaan Negeri hanya memperolehi peruntukan Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) untuk membaiki jalan rosak atau menaik taraf jalan.

## Taska untuk ibu tunggal bekerja

KLANG - Dr Xavier Jayakumar (*gambar*) menawarkan perkhidmatan bas percuma dan peluang pekerjaan kepada golongan ibu tunggal dengan menubuhkan taska-taska di DUN Sri Andalas.



Menurutnya, semua ini akan dilaksanakan sekiranya rakyat memberikan mandat kepada Pakatan Rakyat (PR) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

"Pertama saya mahu menubuhkan taska-taska yang mana saya mahu ibu tunggal atau golongan yang susah akan menjadi pekerja di taska itu.

"Mereka ini akan diberikan kursus terlebih dahulu. Kita mahu mereka mempunyai pekerjaan untuk meningkatkan taraf hidup.

"Yang kedua, saya akan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Klang, pasaraya seperti Aeon, Tesco, Giant dan NSK untuk menyediakan bas percuma kepada penduduk," katanya ketika ditemui selepas memberikan taklimat kepada petugas bilik gerakan Sri Andalas.

Jelasnya, inisiatif itu akan dilaksanakan berikutan beliau banyak menerima aduan berhubung masalah pengangkutan di kawasan itu.



**Bekas Menteri Besar Selangor, bertemu dan beramah mesra dengan pengunjung dan peniaga di pasar malam Pulau Indah**

# 4 ALBUM

Selangorkini 24 - 26 April 2013



▲ Calon N.17 Gombak Setia, Ustaz Hasbullah Ridwan melawat ke pondok Umno untuk menyampaikan risalah kempen dan disambut baik mereka yang ada di situ



▲ Nurul Izzah, calon Parlimen Lembah Pantai, bersama para petugas, meninjau Pasar Malam Bangsar Baru dan bertanyakan permasalahan para penjaja di kawasan tersebut



▲ Sejak pukul 8, bermula dari Pasar Pagi Batu Arang, William Leong, calon Parlimen Selayang dan Tengku Maraziyah Tengku Sulaiman, calon bagi kerusi DUN Kuang, bertemu dan mengedar risalah kepada penduduk di kawasan Batu Arang



▲ Tiada yang lebih bererti dalam perjuangan menegakkan keadilan, selain restu daripada seorang bapa. Kelihatan calon Hulu Kelang, Saari Sungib, menerima ciuman tahniah daripada bapanya, Sungib Supian, sebelum bertolak ke tempat penamaan calon



▲ Ng Suee Lim, calon DUN Sekinchan, turun ke Pasar Awam Sekinchan bagi menyampaikan risalah kempen kepada para peniaga dan pengunjung pasar tersebut

Selangorkini 24 - 26 April 2013



▶ Para petugas DUN Kota Anggerik berehat sambil menikmati makan tengah hari dengan ditemani calon kawasan tersebut, Dr Yaakob Sapari

▶ Calon DUN Sungai Air Tawar, Wahid Rais, menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Boling sempena Ulang Tahun ke-44, Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Sabak Bernam (SMKMA)



▶ MESRA... Wong Chen, calon baru daripada PKR, pagi-pagi lagi sudah turun ke Pasar di SS15, bagi meneruskan siri kampanye beliau bagi Parlimen Kelana Jaya



▶ Calon N.16, Amirudin Shari, melihat hasil gubahan pada Majlis Minum Petang dan Pertandingan Gubahan serta Sumbangan Pelajar Cemerlang di Dewan JKKK Kampung Laksamana, Batu Caves



▶ Calon Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud dan calon DUN Andalas, Dr Xavier Jayakumar merasmikan Jambatan masuk ke Padang Klang Jaya

## Bekas Menteri Besar Selangor sertai PAS

**KUALA LUMPUR:** "Saya masuk PAS bukan hendak jadi calon atau merebut jawatan dalam PAS," kata Tan Sri Muhamad Haji Mohd Taib ketika mengumumkan penyertaannya kepada PAS.

Atas dasar itulah, katanya, majlis penyerahan borang memohon menjadi ahli PAS selepas penamaan calon PRU 13.

Muhamad hari ini menyerahkan permohonan menjadi ahli PAS kepada Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang dengan diperhatikan oleh Timbalan Mursyidul Am, Datuk Dr Haron Din, Timbalan Presiden, Haji Mohamad Sabu dan naib Presiden PAS.

Muhamad juga menghantar surat kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor bagi memaklumkan dia meninggalkan Umno mulai dari tarikh surat ini iaitu 22 April 2013.

Salinan surat itu dihantar kepada Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak.

Bagi Mohamad Taib, pengalaman dalam Umno mengajar dia untuk berbuat perkara lebih baik untuk negara.

"Memang benar kita berjaya membentuk negara maju. Negeri Selangor pun kita berjaya membentuk menjadi negeri maju.

"Tetapi bagi saya perubahan perlu dibuat, supaya pembangunan kita ada roh," kata Muhamad ketika berucap di Ibu pejabat PAS.

Atas dasar itulah, katanya, beliau

memilih untuk menyertai PAS.

"Mana parti yang boleh mengisi roh ini selain dari pasti yang memperjuangkan Islam," katanya.

Menurut Muhamad, selepas beliau tidak mempunyai kerja, beliau banyak menghabiskan masanya untuk pergi ke surau dan masjid.

"Saya pergi ke surau, belajar agama, belajar al Quran. Saya perhatikan, hanya PAS boleh membawa pengaruh untuk membetulkan keadaan ini," tegas Muhamad.

Sebelum itu, Ustaz Hadi dalam ucapannya berkata, beliau bertemu dengan Muhamad lebih setahun yang lalu.

Namun, kita hanya membuat majlis penyerahan 22 April untuk mengelak persepsi kata Muhamad hendak menjadi calon atau jawatan dalam PAS.

Ustaz Haron Din pula berkata, beliau bertemu pertama kali dengan Muhamad semasa menunaikan umrah bersama di Mekah.

"Ketika itu bas kami rosak...dan dia sebagai menteri besar ketika itu yang pertama turun untuk menolak bas itu.

"Sejak hari itu kami rapat dan saya memberikan kuliah mingguan di rumah MB Selangor," kata Ustaz Haron.



Tan Sri Mohamad menyerahkan borang permohonan menyertai PAS kepada Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang

## Bukan 22 tetapi 61 calon bebas Umno

**KUALA LUMPUR:** Bukan 22 tetapi 61 ahli Umno termasuk pemimpin Wanita Umno berpengaruh Datuk Kamalia Ibrahim dan bekas timbalan menteri Mohd Shariff Omar dipecat serta merta kerana bertanding sebagai calon Bebas.

Perkara itu diputuskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Khas Lembaga Disiplin Umno Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen Tengku Ismail menggunakan fasal 20.10 Perlembagaan Umno.

Fasal itu menyatakan mana-mana anggota Umno yang bertanding sebagai

calon bebas akan dipecat daripada parti dan tidak akan diterima keahliannya selama-lamanya.

"Surat-surat pemecatan keahlian telah dihantar kepada mereka yang terlibat," katanya Ahmad Rithaudeen yang dipetik Sinar Harian.

Sebelum ini, media melaporkan sekurang-kurangnya 22 ahli dan pemimpin Umno dipecat kerana bertanding atas tiket bebas.

Kamalia bertanding sebagai calon Bebas di Parlimen Kuala Kangsar manakala Shariff, bekas Timbalan Menteri Pertanian dan In-

**Perkara itu diputuskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Khas Lembaga Disiplin Umno Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen Tengku Ismail menggunakan fasal 20.10 Perlembagaan Umno.**

dustri Asas Tani yang juga Anggota Jawatankuasa Bahagian Tasek Gelugor bertanding di Parlimen

Tasek Gelugor.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Sepang Datuk Suhaimi Mohd Ghazali yang bertanding kerusi Parlimen Sepang.

Datuk Badruddin Tun Mustapha juga dipecat kerana bertanding di Parlimen Semporna dan Dun Senalang di Sabah.

Sementara itu, Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali yang diberi laluan percuma untuk bertanding satu lawan satu dengan calon PAS, timbalan Ketua Pemuda PAS Pusat Nik Abdul Nik Mat, merayu agar Lembaga Di-

siplin Umno supaya tidak mengenakan tindakan terhadap Timbalan Ketua Umno Bahagian Pasir Mas Che Johan Che Pa.

Che Johan sengaja tidak menyerahkan borang ketika hari penamaan calon di Pasir Mas kerana menganggap Ibrahim sebagai 'ayah'nya.

Ahmad Rithaudeen berkata tiga anggota Umno akan dipanggil untuk menjawab kegagalan mereka menjadi pencadang, penyokong atau gagal menyerahkan borang calon pada hari penamaan calon Sabtu lepas.

KUALA LUMPUR - Barisan pimpinan tertinggi Umno semuanya hendak calon Bebas dari Umno dipecat tapi mem-bisu tatkala dalam kes orang kesayangan Mahathir, Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali.

Bermula dari Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden BN Datuk Seri Najib Razak dan timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin, semua tidak mem-berikan sebarang ulasan pencalonan Ibrahim di Pasir Mas.

Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Pasir Mas, Che Johan Che Pa, yang tidak menyerahkan borang penamaan calonnya bagi pilihan raya umum ke-13 dan memberikan laluan percuma kepada Ibrahim juga diumumkan bakal dipecat oleh Setiausaha Agong Umno Tengku Adnan Tengku Mansor.

Pada masa yang sama calon

# Ibrahim Ali dan calon bebas Umno: Antara dua darjat

Bebas dari Umno menghadapi pemecatan, Ibrahim pula bakal mendapat bantuan daripada jentera BN.

Menurut Setiausaha BN Kelantan Datuk Md Alwi Che Ahmad yang dipetik The Malaysian Insider, BN terbuka untuk membantu Ibrahim.

"Ini terpulang pada beliau jika beliau mahu menumpang. Pandai-pandai dia la," kata Md Alwi.

"Apa yang penting, PAS ada lawannya," tambah Md Alwi lagi yang membayangkan BN akan membantu Ibrahim.

Sebelum ini, Mahathir me-

rayu supaya Ibrahim diberikan tempat untuk bertanding oleh BN di Pasir Mas.

Namun begitu, nama Ibrahim tidak muncul ketika Najib mengumumkan calon tapi naib presiden Perkasa Datuk Zulkifli Noordin diberikan laluan di Shah Alam.

Petang itu, SMS tersebar bahawa ada komplot untuk membatalkan pencalonan Che Johan untuk memberi laluan kepada Ibrahim untuk berlawan satu lawan satu dengan calon PAS Nik Abdul Nik Mat.

Ibrahim juga mengadakan sidang media mengenai

ketidakpuasan hatinya dan berjanji akan bertanding bebas.

Calon-calon BN kali ini di-label sebagai calon Kak Ros - apabila orang yang dibenci dan disukai Mahathir menerima nasib berbeza.

Contohnya Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin dicalonkan, anak Mahathir, Mukhriz diletakkan di DUN Ayer Hitam, kubu PAS dan bukannya Kota Seputih yang disandang Umno.

Akhirnya, apa yang diceritakan SMS itu terbukti benar, di mana Che Johan yang hadir di bilik penamaan

calon enggan menyerahkan borangnya.

Beliau berkata beliau menganggap Ibrahim sebagai ayahnya, kerana itu tidak sanggup bertanding melawannya.

"Ibrahim didokong macam raja tapi ahli sendiri bertanding, Umno dianggap najis. Wanita Umno sudahpun bergolak. Layanan dua darjat ini bakal menimbulkan rasa tidak puas hati besar-besaran penyokong Umno yang sudahpun terguris hati apabila calon mereka tidak masuk senarai calon Kak Ros," kata sumber Umno kepada Harakahdaily.

## 20 tahun saya doa dia masuk PAS - Dr Haron Din

KUALA LUMPUR - Doa Timbalan Mursyidul Am PAS Datuk Dr Haron Din sejak 20 tahun yang lalu agar bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk menyertai PAS akhirnya dimakbulkan.

Haron Din pernah mengenali Muhammad berpuluh tahun lalu ketika beliau berkhidmat di Tabung Haji sebagai pegawai yang mengendalikan kursus haji.

"Waktu itu saya mengadakan kursus haji yang kebetulan waktu itu beliau (Muhamad) turut serta dalam kursus itu," katanya.

Dalam sidang media penyerahan borang keahlian PAS Muhammad, Haron Din menceritakan bagaimana beliau mula-mula mengenali Ajk Tertinggi Umno itu.

"Kita buat umrah sama-sama, dapat bas biasa. Bas itu mati di tengah-tengah terowong, tidak ada pilihan terpaksa tolak bas itu. Orang pertama yang turun tolak Muhammad Taib ketika itu dia MB Selangor.

"Pulang ke Malaysia selepas itu, saya dijemput bagi ceramah bulanan di rumah MB. Tan Sri minat pada ceramah agama sampai sanggup buat ceramah di rumahnya," katanya.

Ekoran itu, Haron Din sen-



**Ustaz Haron Din dan Muhamad Mohd Taib dalam sidang media hari ini**

tiasa mendoakan pasti suatu hari nanti Muhamad akan menyertai PAS.

"Saya pernah mendoakan supaya Allah bukakan hati dan hidayahnya untuk agama yang suci ini, saya mengalu-alukan beliau pada pagi ini," kata Haron Din.

Jelas Haron Din, Muhammad pernah datang ke rumahnya sebelum ini sebagai seorang teman lama dan tidak lebih untuk bersebang.

Bagaimanapun Haron Din terkejut apabila kehadiran Muhammad untuk menyatakan kesediaannya menyertai PAS.

"Ketika itu, saya terus menyediakan borang keahlian PAS, maka disinilah bermulanya dan akhirnya beliau masuk

PAS," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Hadi berkata, pengisytiharan Muhammad dilakukan selepas penamaan calon bagi melahirkan keikhlasan bahawa mereka yang menyertai PAS bukan untuk menjadi calon.

"Muhammad sudah bersama kami setahun yang lalu, dan sengaja (isytihar masuk PAS) dibuat selepas penamaan calon. Kerana kita tidak dapat menguasai media dengan sepenuhnya.

"PAS mengalu-alukan penyertaan Tan Sri. Ini adalah sokongan dan dukungan yang sangat kuat yang pernah memimpin Umno di peringkat pusat dan kerajaan negeri," katanya.

## 3 DUN T'ganu kepada PAS, Labuan, Sg Aceh, Panti kepada PKR

KUALA LUMPUR - PAS mencadangkan agar parti itu menyerahkan kerusi Parlimen Labuan, DUN Sungai Aceh di Pulau Pinang dan Panti di Johor kepada PKR.

PKR pula dicadangkan oleh PAS agar menyerahkan tiga DUN di Terengganu iaitu Bukit Besi, Seberang Takir dan Kota Putera kepada PAS.

Manakala kerusi DUN Kota Damansara di bawah Parlimen Subang akan dirundingkan antara PAS dan PKR.

Cadangan ini diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS yang dipengerusikan oleh Presiden PAS.

Perkara ini diumumkan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang dalam sidang media di Pusat Media PAS Jalan Raja laut.

Ustaz Hadi juga memaklum, semua ahli PAS yang bertanding atas tiket bebas termasuk penyokong dan pencadang mereka akan dipecat dari menjadi ahli PAS.

Dalam penamaan calon Sabtu 20 April lepas, calon PAS dan PKR bertindan di tujuh kawasan pilihan raya iaitu satu Parlimen dan enam DUN.

Dengan pengumuman ini

bermakna semua kerusi yang bertindih selesai kecuali DUN Kota Damansara yang akan dirundingkan lagi dengan mereka yang terlibat.

Menurut sumber dalaman, di DUN Panti, Johor kekeliruan berlaku apabila calon PKR lambat menghantar borang pencalonan. Bimbang ia jatuh secara percuma kepada BN, PAS mendaftarkan calon mereka.

Di tiga DUN di Terengganu pula berlaku pertikaian tentang calon yang lambat diumumkan.

Di DUN Kota Damansara pula, berlaku pertikaian apakah calon Parti Sosialis Malaysia (PSM) akan menyertai pilihan raya ini dengan logo PSM. Ini kerana, mereka datang ke pusat penamaan calon dengan menggunakan logo itu bukannya logo PKR.

Kerusi DUN Sungai Aceh pula dituntut oleh PAS dari PKR sejak sekian lama manakala Parlimen Labuan pula dituntut oleh PKR daripada PAS.

Dengan penyelesaian bermakna semua kerusi yang bertindih sudah selesai dan fokus sekarang adalah untuk menjatuhkan lawan Pakatan Rakyat iaitu Barisan Nasional.

# Hari ke-3 kempen, Najib sudah langgar 3 ikrar pilihannya sendiri

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM:** Meskipun kempen Pilihan Raya Umum ke-13 baru masuk hari ketiga, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sudah tiga kali melanggar Ikrar Integriti Pilihan Raya.

Ini disahkan badan anti-rasuah antarabangsa Transparency International (Malaysia) yang menandatangani ikrar tersebut bersama Najib Febuari lalu.

Menurut Menteri Besar Sementara Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Kesalahan pertama adalah pada 8 April lalu di mana Najib mengumumkan 725,000 pesara kerajaan akan menerima "Kad Privilege 1Malaysia".

Sebelum ini, kad itu hanya diberi kepada polis dan anggota tentera sahaja.

Kesalahan kedua, pada 9 April, Najib mengumumkan pembinaan kompleks bernilai RM 400 juta di Perak dengan usahasama dengan sebuah syarikat dari China.



**Calon Pelabuan Klang, Abdul Khalid dikerumuni orang ramai dan peniaga semasa beliau melawat pasar malam Pulau Indah**

Manakala pada 18 April Najib sekali lagi melanggar akujanjinya apabila mengumumkan pembinaan 10,000 unit kediaman perumahan penjawat awam 1 Malaysia.

"Tindak tanduk beliau dengan Kerajaan Umno-BN terang-terang melanggar akujanji tersebut dengan mengumumkan projek mega dan

program melibatkan peruntukan dana awam walaupun Kerajaan Persekutuan hanyalah pentadbir sementara.

"TI memberitahu kita dan mengesahkan BN melanggar Ikrar sekurang-kurangnya tiga perkara," kata beliau dalam sidang media yang diadakan di Kompleks Perumahan Exco Selangor di sini.

Pada 20 Febuari lalu Najib menandatangani Ikrar tersebut bersama Presiden TI, Datuk Paul Low bagi mengumumkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan kempen yang berintegriti.

Menurut Abdul Khalid tindakan Najib sebagai pemimpin utama Umno-BN amatlah dikesali.

"Tindakan khianat terhadap akujanji itu amat berbeza dengan amalan Kerajaan PR Selangor dan Pulau Pinang.

"Yang dari awal-awal lagi pada 2008 sehingga sekarang melarang penggunaan aset kerajaan dengan tatacara yang tidak teratur dan bukan penggunaan itu untuk meraih undi politik," ujar Abdul Khalid.

Tambah Abdul Khalid TI sendiri mengakui Kerajaan PR Selangor sudah melaksanakan pentadbiran berintegriti sejak 2008 lagi.

Ini dapat dilihat dalam penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) yang bersidang setiap tahun pada penggal lepas.

"Saya juga meminta syarikat-syarikat (Kerajaan Negeri) seperti PKNS dan Kumpulan Semesta juga menandatangani 'Integriti Flash' yang sudah dilaksanakan beberapa bulan yang lepas," katanya lagi.

## Fitnah PR, calon BN sendiri amal sentimen perkauman

**SELAYANG:** Isu perkauman yang menjadi senjata Umno-BN untuk melaga-lagakan Pakatan Rakyat (PR) akhirnya memakan diri apabila parti itu menempatkan calon yang secara jelas mengamalkan sentimen tersebut.

Calon PKR Parlimen Batu, Tian Chua berkata, tindakan Umno-BN menempatkan calon yang mengamalkan sentimen perkauman jelas menunjukkan parti itu kekurangan pemimpin berwibawa malah hanya mengundang jelic di kalangan rakyat.

"Mereka fikir dengan menempatkan calon seperti Naib Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) Malaysia, Datuk Zulkifli Noordin di Parlimen Shah Alam yang memain-

an isu perkauman boleh meraih undi dan sokongan rakyat.

"Namun, mereka tidak sedar bahawa rakyat terutama masyarakat Melayu sendiri sudah jemu dengan sentimen yang sering dimainkan oleh Umno-BN itu.

"Umno-BN meletakkan calon yang terang-terangan menghina agama lain tetapi pemimpin ini tidak pula dihukum," katanya dalam ceramah Pakatan Harapan Rakyat di perkarangan Stadium Majlis Perbandaran Selayang (MPS), di sini.

Zulkifli yang baru-baru ini dilanda kontroversi berhubung sebuah video yang mendakwa dia menghina agama Hindu, akan berhadapan dengan calon PAS Khalid Samad untuk kerusi Parlimen Shah Alam.



**Calon Parlimen Kapar Manivanan Gowindasamy dan calon Dun Sementa Dr Daroyah Alwi mendapat sambutan yang memberangsangkan semasa lawatan mereka ke pasar pagi pekan Kapar. Mereka menghabiskan masa dengan berkenalan dengan pemilih selain menerangkan dasar manifesto Pakatan Rakyat.**



# Risalah MERDEKA RAKYAT

3



## Hari ini PR menang, esok harga minyak turun — Anwar Ibrahim

SUBANG JAYA, 11 Mei 2012: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pendirian Pakatan Rakyat akan menurunkan harga minyak sebaik sahaja berjaya mengambil alih pentadbiran kerajaan persekutuan. Menurutnya, dalam masa 24 jam selepas sah menjadi kerajaan, beliau akan mengumumkan penurunan harga minyak. "Bila kita (Pakatan Rakyat) angkat sumpah, Inshaallah, bagi 24 jam kita umum harga minyak di seluruh negara diturunkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Ceramah Merdeka Rakyat Pasca Bersih 3.0 di Kompleks 3K Subang. Beliau juga menafikan negara akan bankrap sekiranya harga minyak turun. "Revenue (keuntungan) minyak setiap tahun adalah sebanyak RM70-80 billion. RM80 kalau turun sikit, Umno sudah kata bankrap. Pada saya itu bukan bankrap, tapi untung menjadi sedikit. Saya janji turun (harga minyak), bukan hapus. Jadi tidak akan bankrap," katanya.

1 September 2009 ron95 dijual pada RMI.75

TARIKH	HARGA (1 liter)	KENAIKAN
1/9/2009	RM1.75	
16/7/2010	RM1.85	RM0.05
3/12/2010	RM1.90	RM0.05

### Fakta kenaikan harga minyak

TARIKH	HARGA (1 LITER)	KENAIKAN
Sebelum 1990	RM 0.89	
Tahun 1990	RM 1.10	RM 0.21
01/10/2000	RM 1.20	RM 0.10
20/10/2001	RM 1.30	RM 0.10
01/05/2002	RM 1.32	RM 0.02
31/10/2002	RM 1.33	RM 0.01
01/03/2003	RM 1.35	RM 0.02
01/05/2004	RM 1.37	RM 0.02
01/10/2004	RM 1.42	RM 0.05
05/05/2005	RM 1.52	RM 0.10
31/07/2005	RM 1.62	RM 0.10
28/02/2006	RM 1.92	RM 0.30
05/06/2008	RM 2.70	RM 0.78



### Anwar pertahan harga petrol

- Sepanjang Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan (1991 - 1998) harga petrol dipertahankan pada julat RM1.10 - RM 1.20
- Selepas Anwar disingkir pada September 1998, harga petrol meningkat secara berperingkat sehingga pernah mencecah paras tertinggi RM2.70 pada 2008.

### Kenaikan harga barang harian 2011

JENIS	HARGA AWAL (Januari)	KENAIKAN (Julai)	PERATUS (%)
Minyak masak (5 liter)	RM12.50	RM13.50	7
Milo (1 Kg)	RM12.90	RM15.90	23.3
Nescafe "3 in 1"	RM11.00	RM12.40	12.7
Beras gred A (10 kg)	RM23.00	RM25.90	12.6
Susu pekat manis	RM2.00	RM2.40	20
Telur gred A (10 biji)	RM3.00	RM3.30	10
Kordial FN (1 liter)	RM5.90	RM7.20	22
bawang putih (1 kg)	RM7.00	RM10.00	43
Ikan kembung (1 kg)	RM4.00	RM8.00	100
Cecair pencuci pinggan	RM4.90	RM5.90	20.4
Soflan	RM5.90	RM6.90	17

**Kenaikan harga barang 4 DALAM 1**

pada 4 Disember 2010 memang tidak boleh diterima akal

RON 95 naik 5 sen RM1.90	DESEL naik 5 sen RM1.80	GAS naik 5 sen RM1.90	GLA naik 20 sen RM2.10
--------------------------------	-------------------------------	-----------------------------	------------------------------

## Pakatan Rakyat menang, tol dihapus

PAKATAN Rakyat berjanji untuk mengambil alih semua konsesi tol yang membebaskan rakyat, bermula dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya yang dikenali sebagai Maju Expressway (MEX) jika berjaya menawan Putrajaya.

Mengikut syarat perjanjian konsesi yang diketahui, kerajaan boleh melaksanakan pengambilalihan lebuhraya dengan bayaran pampasan mengikut perkiraan iaitu kos pembinaan dan libiliti / pinjaman yang akan ditanggung oleh kerajaan.

Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP Tony Pua berkata perkara tersebut adalah janji Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga

"Ini merupakan antara janji Pakatan Rakyat dalam Buku Jingga dan membuktikan bahawa sebuah kerajaan Pakatan akan benar-benar mendahulukan kepentingan rakyat dan bukannya seperti BN yang hanya memperkaya kroni-kroni mereka,

"Penjimatn kepada rakyat dengan keputusan pengambilalihan Lebuhraya MEX adalah melebihi RM4.6 bilion," kata kenyataan bersama pimpinan PR.

Cadangan itu dibuat ekoran dakwaan MEX merugi-



kan rakyat tetapi memberikan keuntungan keterlaluan kepada pemiliknya sehingga 1,800 peratus. Lebuhraya tersebut dibina melalui geran kerajaan yang diberi kepada syarikat Maju Holdings berjumlah RM976.7 juta. (sumber: klpos)

### Fakta Lebuhraya Bertol

Lebuhraya	Metramac	PLUS	Kuala Lumpur - Karak	LDP
Kos Pembinaan	RM45 juta	RM6 bilion	RM451 juta	RM1.08 bilion
Keuntungan	RM440 juta	RM 18.3 bilion.	RM1.4 bilion	RM1.61 bilion.
Pulangan pelaburan (ROI)	978%	305%	202%	149%
Tempoh Konsesi	26 tahun	Sehingga Disember 2038.	38 tahun.	34 tahun

### Fakta harga dan penggunaan kereta

PENGARAH Strategi KEADILAN Rafizi Ramli berkata di bawah polisi Pakatan Rakyat penduduk negara ini akan mampu membeli kereta baru setiap 5 tahun sekali.

- Harga kereta tinggi akibat cukai melampau. Jika harga kos RM50,000 maka cukai RM25,000. Harga jualan RM75,000. Kereta import dikenakan cukai import dan AP.
- Hutang belian kereta dipendekkan kepada lima atau tujuh tahun
- Kereta terpakai dieksport keluar negara seperti yang diamalkan di negara maju
- Terdapat 10.3 juta pemilik kenderaan di Malaysia. Kira-kira 3/4 daripada isi rumah memiliki kereta, sebahagiannya berpendapatan RM3,000 dan ke bawah



### Persatuan pengeluar kereta sokong polisi



PRESIDEN Pengeluar Kereta dan Syarikat Pinjaman Kualau Lumpur Selangor, Khoo Kah Jin menyokong usaha Pakatan Rakyat untuk menurunkan harga kereta.

Beliau meminta Persatuan Automotif Malaysia (MAA) turut meneliti dan berbincang mengenai perkara tersebut. Khoo berkata demikian selepas mengadakan perbincangan bersama Parti Keadilan Rakyat pada 13 September 2012.

Beliau bersetuju terhadap polisi penurunan harga kereta secara berperingkat, pengagihan AP secara tender terbuka dan pinjaman pembelian kereta selama 7 tahun

KOTA BHARU - Berikutan suatu maklumat yang diterima daripada orang awam, pihak Pemantau Rakyat bagi negeri Kelantan telah membuat satu laporan polis di Balai Polis Kota Bharu.

Ia berkaitan salahguna-nakuasa yang melibatkan pihak tertinggi dalam Jabatan Pelajaran Kelantan, Pegawai Pelajaran daerah Pasir Puteh, SPR Kelantan dan SMK Kamil, Pasir Putih, kata Mohammad Faizal Che Yusof, Ketua Pasukan Pemantau Pilihan Raya Kelantan dalam kenyataannya.

Haji Abu Samah Bin Hassan yang selesai membuat laporan polis pada 19 April 2013 lalu turut diiringi 30 orang aktivis-aktivis Pemantau Rakyat yang telah menyertai bengkel pemantauan pilihan raya bertemakan "Pemantau gempur pencabul demokrasi"

Tindakan salahguna kuasa tersebut berlaku pada 2 April 2013 (selasa) pada jam 230-500 petang bertempat di Dewan Besar SMK Kamil, Pasir

## Guna jentera kerajaan: Pemantau buat laporan polis

Puteh, Kelantan, yang melibatkan seramai 271 kakitangan SPR.

Program yang dinamakan Wacana Strategik Pembangunan Minda Personel disalahguna dengan pengisian kempen Umno dan Barisan Nasional, seterusnya memburukkan Pakatan Rakyat.

Dalam program tersebut, para kakitangan SPR dihasut jika mengundi Pakatan Rakyat, kuasa Melayu akan terhakis.

Pelbagai kempen yang dibuat ini amat tidak wajar dan berpatutan, tegas Faizal.

"Suatu yang amat menjijikkan dalam sistem demokrasi bilamana mereka yang terlibat mengendalikan pilihan raya umum terlibat langsung dengan kempen politik dan dipaksa mengundi parti tersebut," tegasnya.



Aktivis pemantau pilihan raya Kelantan yang menunjukkan laporan polis terhadap salahlaku menggunakan jentera kerajaan dengan memburukkan Pakatan Rakyat

### 20 pondok Kelantan sokong kepimpinan TG Nik Aziz

KOTA BHARU - Sebanyak 20 institusi pondok seluruh Kelantan berikrar menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Menteri Besar, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pada masa yang sama mereka turut berikrar untuk turut serta bersama PAS dan Pakatan Rakyat menawan Putrajaya pada PRU13 akan datang.

Pengumuman itu dibuat Setiausaha Pusat Pembangunan Pondok Berhad, Ustaz Ahmad Shairazi Atiqullah, selepas mesyuarat khas di JKR 10 baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Dewan Ulamak PAS negeri, Ustaz Hassan Mahmud, ketika menjawab soalan media berkata, dakwaan yang mengatakan ulama pondok tidak menyokong Tuan Guru amat tidak benar.

Menurutnya, yang ada hanya seorang dua 'orang pondok' yang tidak mempunyai pelajar di pondoknya.

"Mana-mana pemimpin pondok dan pondok bertauliah semuanya memberi sokongan pada kepimpinan Tuan Guru," ujarnya.

## Calon BN didakwa serang calon PKR

IPOH - Timbalan Pengerusi PKR Perak, Dr Lee Boo Chye mendakwa Calon BN Dun Sungai Rapat, Datuk Hamidah Osman menyerang beliau.

Kejadian itu berlaku di Bilik Gerakan PKR di Taman Tasek Permai, Batu Gajah yang dikatakan berpunca disebabkan rasa tidak puas hati penyokong BN terhadap PKR yang mendirikan bilik gerakan kira-kira 500 meter daripada Pejabat Pusat Khidmat Dun Sungai Rapat yang dijadikan bilik gerakan BN.

Katanya, beliau bergegas ke tempat tersebut selepas menerima panggilan dari petugas bahawa sekumpulan penyokong BN datang membuat gangguan di bilik gerakan PKR itu.

"Apabila Datuk Hamidah hadir, dan kami pun berunding tapi keadaan bertukar kecoh apabila Hamidah bertindak liar dengan merampas perakam video petugas PKR lalu mencampakkannya.

"Tidak lama kemudian, Datuk Hamidah bertindak di luar jangka dengan mencekak kolar baju saya," jelasnya pada sidang medianya di Pejabat PKR Gopeng, Taman Soon

**Sepatutnya kita dapat berbincang bagi menyelesaikan masalah ini, bukan dengan tindakan yang tidak sewajarnya ini, "Salahkah kami untuk mendirikan bilik gerakan di premis persendirian, kami adalah parti berdaftar yang akan bertanding pada pilihanraya ini"**

**Abdul Rahim Ariff**  
Yang Dipertua PAS Gopeng

Choon Ipoh.

Hadir sama ialah Naib Pengerusi PKR Perak, Chang Lih Kang, dan Yang Dipertua PAS Gopeng, Abdul Rahim Ariff.

Dr Lee yang juga Calon PKR parlimen Gopeng berkata, beliau rasa sangat terkejut dengan tindakan Hamidah yang disifatkan satu perkara

diluar jangkannya.

Satu laporan polis juga dibuat berhubung kejadian itu.

Sehubungan itu beliau menggesa Hamidah memohon maaf kepadanya secara terbuka atas kejadian tersebut dan berharap pihak polis yang turut berada di tempat kejadian dapat menjalankan siasatan secepat mungkin.

Dalam perkembangan berkaitan, calon PAS Dun Sungai Rapat, Ustaz Radzi Zainon melahirkan rasa kecewa dengan tindakan tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh calon Umno itu.

Katanya, Hamidah tidak sewajarnya berbuat demikian kerana beliau adalah bekas Exco kanan Kerajaan Negeri Perak ditambah lagi beliau adalah seorang wanita.

"Sepatutnya kita dapat berbincang bagi menyelesaikan masalah ini, bukan dengan tindakan yang tidak sewajarnya ini.

"Salahkah kami untuk mendirikan bilik gerakan di premis persendirian, kami adalah parti berdaftar yang akan bertanding pada pilihanraya ini," jelas Timbalan Yang Dipertua PAS Gopeng itu.

## Waspada kempen fitnah BN

**GELANG PATAH:** Pengundi diingatkan berhati-hati dengan kempen fitnah cyber-troopers pro-Umno-BN yang memburukkan DAP dan Pakatan Rakyat (PR) sejak kempen rasmi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) bermula.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang berkata, tindakan Umno-BN itu berbeza dengan DAP bersama PAS dan PKR yang membentuk Pakatan Rakyat memulakan kempen secara bersih, adil dan telus.

"Ini adalah prinsip bersama kami ke arah membentuk Malaysia baru yang bebas daripada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

"Saya sedar ada kempen kotor yang terus dilakukan pihak tertentu, terutamanya oleh cybertroopers pro-Umno-BN, yang menyebarkan fitnah dan

pembohongan yang tidak sihat dan bersifat hasutan," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Kit Siang yang bertanding di Parlimen Gelang Patah pada PRU-13 ini berkata, walaupun golongan itu terus memfitnah dan menyebarkan berita palsu, saya bersama DAP dan Pakatan Rakyat tidak akan berputus asa untuk terus berkempen dengan cara yang baik dan terhormat sebagaimana yang kami telah lakukan sejak beberapa dekad lalu.

"Saya harap rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu, tidak mudah terpengaruh dengan fitnah dan pembohongan, sama ada yang disebarkan melalui internet atau melalui ceramah. Fitnah amat berbahaya kerana ia boleh menimbulkan ketegangan



*Lim Kit Siang berceramah di DUN Nusajaya yang diwakili Salahudin Ayub dalam Parlimen Gelang Patah*

an antara kaum di negara ini," ujarnya.

Beliau berkata, semua fitnah terhadap DAP sebagai parti perkauman, parti cauvinis, parti anti-Islam dan sebagainya adalah tidak benar dan bohong belaka.

"DAP adalah parti politik yang sah yang menghormati Perlembagaan Persekutuan.

DAP menolak segala bentuk politik perkauman dan diskriminasi kaum, agama dan gender.

"DAP telah lama berjuang untuk memastikan kita semua hidup harmoni, aman damai sebagai rakyat Malaysia yang saling percaya-mempercayai antara satu sama lain, dan tidak perlu was-was. Inilah

prinsip kami yang mengutamakan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau yakin rakyat Malaysia, terutamanya pengundi tidak menerima bulat-bulat fitnah cybertroopers Umno-BN atau golongan yang membenci kaum lain, sebaliknya membuat pilihan yang bijak pada 5 Mei ini.

## Mengapa saya menangis - Husam

**PUTRAJAYA:** Ramai tertanya-tanya apa yang menyentuh hati Datuk Husam Musa sehingga beliau menangis hiba semasa hari penamaan calon di Putrajaya kelmarin.

Beliau kelihatan mengesat air mata sewaktu para penyokongnya yang hampir 3,000 orang mengiringinya dan mengaminkan doa sebaik sahaja beliau tiba di pusat penamaan Presint 9.

"Saya amat hiba dengan sokongan rakyat jelata, terutamanya anak-anak muda, semangat perjuangan mereka, cukup menyentuh hati," katanya ekoran tidak pernah berlaku dalam pilihan raya di Putrajaya, penyokong begitu ramai mengiringi calon dari Pakatan Rakyat.

Beliau juga, beliau terharu kerana PAS memberikan kepercayaan kepadanya untuk bertanding di kota pentadbiran yang merupakan kerusi yang amat strategik dalam negara.

"Saya kini meletakkan diri saya untuk mencontohi jejak langkah perjuangan getir para anbiya dan sahabat-sahabat dalam menegakkan Islam," katanya sebagaimana dipetik dalam laman Facebook rasmi PAS Putrajaya.

Husam turut hiba kerana secara tiba-tiba beliau dianugerahkan suatu amanah yang besar untuk menerobos kota Putrajaya dengan membanjiri PAS.



*Husam dilihat mengalirkan air mata di hari penamaan calon*

PRU 13 ini merupakan satu cabaran besar buat Husam apabila beliau satu-satunya harapan PAS dan Pakatan Rakyat untuk membuka pintu Putrajaya bagi merealisasikan impian rakyat yang mahukan perubahan.

Walaupun lawan beliau Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dengan bongkaknya berkata, Husam akan hilang wang pertaruhan, Husam dikatakan akan memberi saingan sengit kepada Setiausaha Agung Umno itu.

Kawasan Parlimen Putrajaya seluas 4,931 hektar itu diwakili Tengku Adnan sejak 2004 selepas kawasan itu diwartakan sebagai Wilayah Persekutuan pada 2001.

Pada pilihan raya umum 2008, beliau memenangnya dengan majoriti 2,734 undi, mengalahkan Pesuruhjaya PAS Wilayah Persekutuan Mohamad Noor Mohamad.

## Beri PR mandat laksana dasar untungkan rakyat

**PONTIAN:** Pakatan Rakyat (PR) perlu diberi mandat untuk membuktikan kesungguhan melaksanakan semua dasar yang menguntungkan rakyat sepertimana yang berjaya dibuktikan di beberapa negeri pentadbirannya termasuk Selangor dan Pulau Pinang.

Calon DAP Parlimen Tanjong Piai, Mahdzir Ibrahim berkata, pengundi perlu menolak semua manipulasi dimainkan Barisan Nasional (BN) yang menggambarkan negeri-negeri PR tidak cemerlang.

"PR tidak cakap kosong. Kita sudah buktikan. Orang Pulau Pinang, orang Selangor tahu. Kami mahu bela orang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan semua rakyat Malaysia. Bukan hanya membela orang Melayu tertentu atau orang Cina tertentu," tegasnya berucap di hadapan lebih 2,000 orang yang membanjiri perkarangan Pusat Media PR Tanjong Piai.

Menurut Mahdzir, apa yang diamalkan BN sekadar pembelaan terhadap orang tertentu yang menyebabkan berlakunya monopoli, rasuah dan salah guna kuasa.

"Kalau Mokhzani Mahathir kerja lapan jam sehari, kita pun kerja lapan jam sehari, bagaimana dia boleh kaya senang-senang. Orang lain pun kerja juga?"

"Kami mahu seluruh rakyat negara ini

mendapat peluang yang sama dengan mereka. Kita mahu bentuk kerajaan PR yang adil, telus dan berintegriti," ujar beliau.

Selain itu, Mahdzir berkata, disebabkan BN terlalu lama memerintah, parti itu juga seolah-olah menganggap harta kerajaan seperti hak mereka.

Menceritakan pengalaman beliau sebagai pegawai di Jabatan Belia dan Sukan Selangor sebelum ini, Mahdzir berkata setengah orang di fikir hak kerajaan ini adalah hak Umno dan hak BN, pada hal hak kerajaan itu datangnya daripada duit kita yang bayar cukai. Bukannya duit Umno-BN.

Turut berucap pada majlis itu ialah Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan, Tony Pua.

Menurut beliau, jika dulu Korea Selatan jauh ketinggalan daripada Malaysia, kini negara itu mendahului negara ini berdasarkan pendapatan purata rakyatnya yang berjumlah US\$22,000 sebulan berbanding US\$900 bagi rakyat Malaysia.

"Najib Razak kata ekonomi negara dan rakyat semakin baik. Tapi kita sudah kalah dengan Korea Selatan yang dulunya jauh ketinggalan daripada Malaysia," jelasnya yang juga calon Parlimen Petaling Jaya Utara.



# TV3, Muhyidin sebar berita palsu

**KUALA LUMPUR:** Tindakan Timbalan Pengerusi BN, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kemenangan tanpa bertanding calon BN di DUN Senggarang dikesali.

Ini kerana dakwaan orang nombor dua Barisan Nasional (BN) itu terbukti bohong.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan calon PAS, Dr Ramli Kari akan bertanding di situ melawan calon BN.

Kira-kira jam 1.20 tengahari Sabtu 20 April, TV3 mengumumkan kemenangan tanpa bertanding calon BN di Senggarang, Johor.

Sehingga berita ini ditulis, laporan berita itu masih disiarkan dalam laman web TV3.

“Barisan Nasional mencatat permulaan yang baik bagi menghadapi kempen Pilihan Raya Umum ke-13 apabila me-

ngang tanpa bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Senggarang, Johor.

“Calon BN bagi kerusi berkenaan Abd Aziz Ismail disahkan menang tanpa bertanding selepas borang pencalonan seorang lagi calon ditolak pegawai pengurus pilihan raya kawasan berkenaan,” lapor TV3.

Berita itu memetik kata-kata Muhyiddin yang memperlekeh calon PAS kononnya tidak pandai mengisi borang pencalonan.


Terbukti berita itu palsu apabila SPR mengesahkan penyertaan calon PAS Dr Ramli Kari di situ.

“PAS bertanding di DUN Senggarang. Segala berita mengatakan BN menang tanpa bertanding di Senggarang adalah palsu,” tulis laman Facebook PAS Kawasan Batu Pahat.



## PUTAR BELIT...

Laporan TV3 yang menunjukkan Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan calon BN DUN Senggarang menang tanpa bertanding selepas hari penamaan calon. Bagaimanapun Suruhanjaya Pilihan Raya memaklumkan calon PAS layak bertanding. Carian di lawan sesawang stesen TV selepas itu menunjukkan berita itu sudah dibuang



## Pakatan tubuh Majlis Etika Media yang bebas lepas PRU 13



**KUALA LUMPUR:** Majlis Etika Media yang bebas dari kawalan Menteri Dalam Negeri akan ditubuhkan sebaik Pakatan Rakyat menang Pilihan Raya Umum ke-13, kata Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Ini sesuatu yang semestinya berlaku. Kita tak boleh mengandaikan media seperti Utusan Malaysia dan TV3 meneruskan cerita fitnah tanpa dikawal oleh sebuah majlis etika media yang bebas.

“(Dan Majlis Etika Media) bukannya (dikawal) oleh Menteri Dalam Negeri,” kata Anwar pada ‘Forum Memanifestasikan Harapan Rakyat: Satu Perbualan Bersama’ di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur-Selangor.

Anwar menjelaskan, keangkuhan Umno BN yang berterusan memperbodohkan rakyat jelas kini disebarkan melalui propaganda di semua media arus perdana dan ia perlu dihentikan.

“Hingga sekarang ini, kita masih belum mendapat jaminan tegas untuk kerajaan menjawab tuntutan pilihan raya yang bersih, jaminan perundangan dan senarai undi yang sah.

“Dengan hambatan dan keterbatasan ini, apakah kita yakin (menang)? InsyaAllah,” kata Anwar.

Beliau merujuk pandangan ahli falsafah Sepanyol, José Ortega y Gasset dalam tulisan La rebelión de las masas (The Revolt of the Masses) bahawa hasrat rakyat yang mahu-

kan kepada perubahan, tidak dipedulikan pemerintah.

“Ini bicara soal kekuatan rakyat. Kita jangan ingat rakyat ini tidak rumit...(dan kita) hanya fikir soal perubahan politik semata-mata. Ini menyebabkan pemerintah terjangkit dengan apa yang dikatakan sebagai ‘keangkuhan kuasa’.

“Kita mahukan perubahan nilai yang lebih baik dan keupayan mengangkat kesedaran. Kalau pimpinan politik tak merasakan mereka serba tahu, maka kena ada tawadhu’ untuk mengakui ada kekuatan daripada rakyat.

“(Perubahan) ini adalah berkenaan kepedulian dan keprihatinan nilai kemanusiaan,” tegas Anwar.

Kos bina Unisel cuma RM285 juta

# Tetapi kerajaan Umno-BN bina dengan kos RM1.5 bilion

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kos penubuhan Universiti Selangor (Unisel) berdasarkan penilaian semula hanya menelan kos sejumlah RM285 juta bukannya RM1.5 bilion seperti yang didakwa pentadbiran Kerajaan Negeri Umno-BN sebelum ini.

Perkara ini didedahkan Naib Canselor Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad dalam wawancara khas bersama Selangor Kini.

Anwar mendakwa kos berkenaan diperolehi berdasarkan penilaian semula keadaan tanah mendap dan keadaan bangunan retak daripada impak perancangan pembinaan.

"Pada 2002, bayaran tanah untuk penubuhan Unisel bagi 801 ekar Bukit Jalil, 210 ekar di Sungai Buloh dan 3,000 ekar di Bestari Jaya, mencecah RM1.14 bilion.

"Ditambah dengan bayaran bon yang diambil sebanyak RM120 juta dan pembinaan asrama RM212 juta menyebabkan kos keseluruhan sebanyak RM1.5 bilion.



**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar sentiasa menyerang Unisel, sepatutnya beliau 'buka mata', lihat ini salah siapa. Bagi saya beliau menyerang Unisel untuk memburukkan Kerajaan Negeri Selangor, tetapi jika kita tahu perkara yang sebenar, sudah tentu tidak akan memilih kerajaan yang lama lagi**

**- PROF DR ANUAR AHMAD  
Naib Canselor Unisel**

"Sedangkan penilaian semula, kesemua kos itu hanyalah RM285 juta sahaja, mana lagi hilang duit rakyat sebanyak RM1.2 bilion, siapakah perlu bertanggungjawab? Berapa banyak kewangan rakyat ditelan, siapa yang dapat? soalnya.

Anuar menambah disebab-

kan kos yang mahal itu juga Unisel terpaksa membayar RM1 juta sebulan kepada Syarikat Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB).

"Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar sentiasa menyerang Unisel, sepatutnya beliau 'buka mata' lihat ini salah siapa.

"Bagi saya beliau menyerang Unisel untuk memburukkan Kerajaan Negeri Selangor, tetapi jika kita tahu perkara yang sebenar, sudah tentu tidak akan memilih kerajaan yang lama lagi.

"Begitu juga dengan hutang yang didakwa Umno-BN, sedangkan disebabkan kebijaksa-

naan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang mengambil alih hutang RM100 juta sebelum ini, Unisel untung RM127 juta," katanya.

Anuar turut mengulas manifesto BN Selangor yang mahu membangunkan Unisel bagi mencapai sasaran dan inovatif, beliau berkata telahan dan ucapan dari parti itu tidak mempunyai fakta.

Ini kerana Unisel sentiasa memfokuskan kecemerlangan akademik selain pelajar yang meningkat dalam beberapa tahun ini.

"Pada 2015, kita mensasarkan 20 peratus daripada pensyarah kita mempunyai Ijazah Kedoktoran (PHD). Sekarang kita mempunyai 60 pensyarah mempunyai PHD, kita sasar 100 orang menjelang 2015.

"Manakala, jika dahulu kita tawarkan hanya untuk pelajar Diploma, tetapi sekarang kita mempunyai 560 pelajar Ijazah Sarjana dan PHD. Keseluruhan pelajar kita mencecah 14,700 pelajar termasuk pelajar yang akan bergraduasi Oktober ini," katanya.

**Selangor Kini**

**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT:** Arfa'ezza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:**

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PEN. PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli

Mashut

**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:**

Afix Redzuan: afixredzwan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

**JURU GAMBAR:** Raheemie Arifin,

Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites

No 1, Persiaran Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newsselangorkini@gmail.com

## Internet percuma untuk mahasiswa

SHAH ALAM - Seramai 12,500 mahasiswa Universiti Selangor (Unisel) bakal menikmati kemudahan 'dongle broadband' percuma yang disediakan universiti itu.

Naib Canselor Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad berkata setakat ini, lebih 6,000 mahasiswa Unisel di Bestari Jaya sudah menikmati kemudahan tersebut.

Manakala, sebahagian pelajar di cawangan Shah Alam dijangka akan mendapat kemudahan itu minggu hadapan.

"Ini adalah inisiatif Unisel untuk memberi prasarana dan kemudahan terbaik kepada pelajar Unisel. Ia merupakan inisiatif yang pertama dilakukan di negara ini," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata bagi perlaksanaan itu, Unisel menanggung kos sebanyak RM3juta setahun bagi pembayaran bulanan RM20 setiap pelajar.



**Kajian menunjukkan graduan Unisel mudah mendapat kerja**

"Kita bertuah kerana syarikat Telco Maxis beri percuma dongle itu kepada kita, jika tidak setiap satu dongle itu kita perlu membayar RM200. Untuk itu kita sudah dapat berjimat," katanya.

Anuar menjelaskan, kemudahan percuma itu tidak akan

memberi kesan kepada kewangan Unisel.

"Pelajar sudah meningkat, jadi kewangan kita sudah kukuh, ia kerana kebijaksanaan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menguruskan pentadbiran.

"Saya harap dengan adanya ke-

mudahan ini, pelajar dapat menggunakan dengan sebaiknya bagi tujuan pendidikan. Jika di universiti mereka boleh menggunakan wifi, kini di rumah mereka boleh menggunakan kemudahan itu, ia membantu meringankan beban pelajar," katanya.

Oleh NORHAYATI UMOR

KLANG - Penyandang kerusi Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud yakin kerusi itu akan kekal menjadi milik PAS walaupun bakal bertarung empat penjujur pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) ini.

Katanya PAS, mempunyai kelebihan untuk mendapat sokongan undi masyarakat berdasarkan beberapa faktor.

"Saya sudah berada lima tahun di sini dan rakyat sendiri tahu bahawa saya sentiasa turun padang dan menerima kehadiran orang ramai di Pusat Khidmat DUN pada bila-bila masa.

"Saya rasa mereka (rakyat) mengenali saya. Lima tahun ini, kita bukan macam wakil rakyat sebelum 2008.

"Kami merakyatkan diri kami dan kami tidak merasa dengan gelaran Yang Berhormat itu adalah satu penghormatan (orang hormat pada kita) tapi kita adalah 'khadam' rakyat," katanya ketika ditemui di Kampung Jawa bersama petugas bilik gerakan.

Dr Mariah bagaimanapun tidak mahu memandangkan ringan pencabarnya memandangkan PRU-13 adalah pertarungan sengit.

"Saya tahu bahawa saya

# Jadi 'khadam' resepi Siti Mariah dekati rakyat



**SERIOUS...** Dr Mariah membincangkan sesuatu bersama calon Sri Muda, Shuhaimi Shafiei

kurang serba-serbi. Orang sebut bahawa BN ada banyak bendera, poster dan pelekat. Tapi PAS tak mempunyai ban-

yak dana, yang keluarinya daripada poket kami sendiri.

"Kami negeri hanya bagi poster dan bendera tertentu sa-

haja. Tak cukup, kami terpaksa cari duit. Yang ada pada kami ialah keperihatinan yang kami berikan lima tahun dan rakyat

**Yang ada pada kami ialah keperihatinan yang kami berikan lima tahun dan rakyat tahu perkara itu**

**DR MARIAH**  
Penyandang & Calon  
P111 Kota Raja

tahu perkara itu," katanya.

Mengulas isu penutupan Bilik Gerakan BN di Kota Raja, beliau menyifatkan isu itu sebagai satu propaganda.

"Kadang-kadang dia (bilik gerakan ini) tutup (hanya) sandiwara. Bilik gerakan ditutup, kemudian beroperasi semula selepas mendapat dana," katanya.

Sebelum ini, kecoh apabila beberapa bilik gerakan BN ditutup sebagai tanda protes terhadap calon yang dipilih mereka.

## Ronnie Liu: Kepada calon Bebas, teladani saya

KLANG - Anggota parti yang tidak dicalonkan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kali ini harus mengeneikan perasaan kecewa mereka, se-terusnya memberi sokongan penuh terhadap perjuangan Pakatan Rakyat (PR).

Bekas Exco Selangor, Ronnie Liu (**gambar**) berkata, seperti dirinya, mereka seharusnya reda dengan keputusan pucuk pimpinan parti masing-masing dan terus memberi sokongan yang tidak berbelah bagi mempertahankan Selangor dan seterusnya menawan Putrajaya.

"Saya faham perasaan kecewa itu kerana saya juga tidak menjadi calon, namun pada ketika ini, apa yang penting adalah perjuangan kita selama berpuluh tahun ini tidak disia-siakan hanya kerana perasaan individu.

"Sebarang ketidakpuasan hati itu boleh dibawa berbincang selepas PRU nanti, tetapi sekarang saya menyeru agar semua



dapat memberi tumpuan untuk mencapai impian rakyat, iaitu singkirkan kerajaan korup Barisan Nasional (BN)," tegas beliau.

Walaupun tidak dicalonkan, Ronnie masih aktif membantu jentera PR di siri ceramah seluruh Selangor dan kempen calon DAP bagi kerusi Parlimen Gelang Patah di Johor, Lim Kit Siang.

Pada tahun 2008, Ronnie daripada DAP menang dengan majoriti 5,398 undi mengalahkan penyandang DUN Pandamaran ketika itu, Datuk Teh Kim Poo (BN).

Ronnie turut menasihati anggota DAP yang menjadi calon Bebas, seperti Jenice Lee di DUN Teratai untuk undur diri dan membantu parti mempertahankan kerusi yang dimenangnya pada PRU-12 lalu.

"Saya seru beliau dan juga ahli lain yang jadi (calon) Bebas untuk tarik diri dan bergerak membantu jentera parti demi rakyat.

"Ini kerana jika mereka berkeras, kemungkinan besar ia akan mengganggu peluang kita untuk menang, seterusnya membantutkan usaha kita menawan Putrajaya," jelas Ronnie yang ditemui dalam satu ceramah di Kampung Nelayan di sini.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang dalam reaksinya terhadap perkembangan tersebut meminta anggotanya yang bertanding astiket Bebas, untuk undur diri atau berdepan tindakan dipecat.

dari muka 8

## Pelan dah siap tapi TNB tak mahu laksana

Ah Kow berkata, penduduk kampung tersebut gembira dengan apa diputuskan Kerajaan Negeri sehingga boleh dikatakan majoriti lebih 5,000 penduduk kampung itu kini penyokong P a k a t a n R a k y a t (PR).



Sokongan tersebut merupakan luahan dan harapan mereka untuk terus mendiami dan meneruskan kehidupan mereka di kampung tersebut.

Ini kerana dakwa William, TNB masih tidak mahu melaksanakan keputusan untuk menggunakan laluan alternatif yang dipersetujuinya bersama Kerajaan Selangor.

"Pelan dah siap, cuma TNB masih tidak mahu laksanakan," kata William.

Bagi Ah Kow dan penduduk kampung, perubahan pentadbiran kepada Umno-BN bakal menjadi satu peristiwa yang perit bagi mereka.

"Mereka beri pampasan RM120,000 untuk rumah yang dirobohkan. Mana kita nak cari rumah baru harga macam itu sekarang? Kita sudah tinggal lama di kampung ini dan dah ada geran tanah di sini," kata Ah Kow.

## Kampung Sungai Terentang berkubur jika PR kalah

Oleh HAFIZAN TAIB dan  
AFEEQA AFEERA

RAWANG - Kegembiraan yang dirasai Goh Ah Kow tiga bulan lalu telah berlalu dan Ketua Kampung Sungai Terentang itu kini berhadapan kemungkinan berita baik awal tahun ini tidak akan berpanjangan.

Pada Januari lepas, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersetuju untuk tidak merobohkan setengah kampung itu bagi membina projek kabel voltan tinggi Pengukuhan Sistem Kawasan Tengah (CAR).


Tetapi, sekiranya Pakatan Rakyat (PR) tidak mentadbir Kerajaan Negeri selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Ah Kow bimbang TNB akan meneruskan plan asalnya.

Pelan itu akan menyaksikan perobohan kedai, rumah ibadat dan kediaman kampung itu yang berusia 60 tahun.

Malah Kampung Sungai Terentang dikatakan hanya selamat daripada dirobuhkan kerana Kerajaan Negeri bertukar tangan daripada Umno-BN ke Pakatan Rakyat (PR), Mac 2008.

Selama lima tahun, PR Selangor mengambil inisiatif berunding dengan TNB bagi mencari laluan alternatif yang tidak menjejaskan struktur bangunan di kampung tersebut, termasuk dua buah sekolah yang berhampiran.

“Kerajaan Negeri menetapkan tiga kriteria (iaitu) CAR ti-



Jika projek CAR diteruskan, keluarga di Kampung Terentang dikhuatiri berdepan dengan risiko penyakit kanser, leukimia dan masalah kandungan akibat tinggal di bawah kabel elektrik bervoltan tinggi

**Kampung Sungai Terentang dikatakan hanya selamat daripada dirobuhkan kerana Kerajaan Negeri bertukar tangan dari Umno-BN ke Pakatan Rakyat pada Mac 2008**

dak merentasi Kampung Sungai Terentang, tidak mengganggu sekolah dan jalan utama Rawang-Ipoh,” kata William Leong, mantan Ahli Parlimen Selangor yang terlibat dengan proses rundingan tersebut.

Hasil rundingan berterusan Kerajaan PR Selangor dengan TNB sehingga Januari lepas telah mendapat persetujuan daripada syarikat pengedar elektrik

itu untuk menggunakan laluan alternatif yang tidak menjejaskan kampung itu.

Bagi membantu mencari laluan alternatif yang menjaga kepentingan semua pihak, baik orang kampung mahupun TNB, Kerajaan Selangor melantik perunding kejuteraan Aecom dari New Zealand.

Lihat muka 15

Untuk  
informasi &  
Berita terkini  
Layari  
[www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)  
**mediaselangorku**

   Noh Patut...  
Ment...